



30 Julai 2015
30 July 2015
P.U. (A) 173

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN JURUTERA
(PINDAAN) 2015

*REGISTRATION OF ENGINEERS (AMENDMENT)
REGULATIONS 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENDAFTARAN JURUTERA 1967

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN JURUTERA (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26 Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat Peraturan-Peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 31 Julai 2015.

Pindaan am

2. Peraturan-Peraturan Pendaftaran Jurutera 1990 [*P.U. (A) 128/1990*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Jurutera berdaftar” di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam peraturan 27, 31, 32 dan 33, dengan perkataan “Orang berdaftar”;

(b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “registered Engineer” dan “registered Engineers” di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam peraturan 27, 31, 32 dan 33, masing-masing dengan perkataan “registered Person” dan “registered Persons”;

(c) dengan menggantikan perkataan “Amalan Jurutera Perunding” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “amalan perundingan Kejuruteraan”; dan

(d) dengan menggantikan perkataan “dalam Jadual I” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “di laman sesawang Lembaga”.

Pindaan peraturan 4

3. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Walau apa pun subperaturan (1), dalam keadaan luar biasa, Pengerusi boleh meminta Setiausaha untuk memberikan tidak kurang daripada tiga hari notis bertulis untuk memanggil suatu mesyuarat.”.

Pindaan peraturan 8

4. Subperaturan 8(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong di mana-mana jua terdapat perkataan “dengan resolusi” di mana-mana jua terdapat.

Pindaan peraturan 9

5. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Pelantikan Setiausaha Lembaga di bawah subperaturan (1) boleh dibuat bagi tempoh dua tahun dan boleh diperbaharui.”.

Pindaan peraturan 10

6. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “satu” dengan perkataan “lima”.

Pindaan peraturan 18

7. Peraturan 18 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Tiap-tiap permohonan untuk pendaftaran sebagai seorang Orang berdaftar hendaklah disertakan dengan—

- (a) suatu fi pemprosesan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual II, yang tidak boleh dibayar balik; dan
- (b) suatu fi pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual II, yang hendaklah dibayar balik kepada pemohon yang permohonannya tidak berjaya,

dan fi itu mestilah dalam bentuk kiriman wang, draf bank, cek atau apa-apa bentuk lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, yang kena dibayar kepada Lembaga.”;

- (b) dengan memotong subperaturan (2); dan
- (c) dengan menggantikan subperaturan (2A) dengan subperaturan yang berikut:

“(2A) Seorang Jurutera Siswazah hendaklah mengemukakan permohonan untuk pendaftaran sebagai seorang Jurutera Profesional dalam tempoh satu tahun—

- (a) dari tarikh dia diberitahu oleh Lembaga bahawa dia telah lulus Peperiksaan Penilaian Profesional sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 38; atau
- (b) dari tarikh dia menjadi seorang ahli korporat Institut Kejuruteraan (Malaysia).

(2B) Walau apa pun subperaturan (2A), jika tempoh permohonan telah tamat, seorang Jurutera Siswazah boleh, dalam masa yang munasabah, memohon pelanjutan masa untuk mengemukakan permohonan untuk pendaftaran sebagai Jurutera Profesional kepada Lembaga dan Lembaga boleh melanjutkan masa sebagaimana yang difikirkannya patut.”.

Pindaan peraturan 19

8. Peraturan 19 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Seorang Orang berdaftar di bawah Akta hendaklah dikeluarkan suatu perakuan pendaftaran dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga yang ditandatangani sewajarnya oleh Pengerusi dan Pendaftar dan dimeterai dengan meterai Lembaga.”.

Pindaan peraturan 20

9. Peraturan 20 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Jurutera berdaftar, selain seorang Jurutera Siswazah,” dengan perkataan “Orang berdaftar”; dan

(ii) dalam subperenggan (a)(i), dengan menggantikan perkataan “dalam Jadual I” dengan perkataan “di laman sesawang Lembaga”;

(b) dalam subperaturan (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Lembaga hendaklah mengeluarkan kepada Jurutera berdaftar” dengan perkataan “Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada Orang berdaftar”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “dalam Jadual I” dengan perkataan “di laman sesawang Lembaga”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Lembaga boleh menolak untuk membaharui pendaftaran seseorang Orang berdaftar jika dia gagal untuk memenuhi apa-apa syarat yang ditentukan oleh Lembaga di bawah subperenggan (1)(b).”.

Pindaan peraturan 22

10. Peraturan 22 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam subperaturan (1) dengan memotong perenggan (b).

Pindaan peraturan 22B

11. Peraturan 22B Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah apabila selesai penyiasatannya mengenai aduan itu, mengemukakan kepada Lembaga bagi perkara di bawah subseksyen 7A(5) Akta, atau kepada Jawatankuasa Tatatertib bagi perkara di bawah subseksyen 15(1) Akta, untuk pertimbangan—

(a) suatu laporan penyiasatannya;

(b) syornya, jika ada; dan

(c) suatu draf pertuduhan yang mengandungi fakta bagi aduan yang dikatakan dilakukan oleh amalan perundingan Kejuruteraan atau Orang berdaftar itu, jika Jawatankuasa Penyiasatan berpuas hati bahawa adanya alasan bagi aduan terhadap amalan perundingan Kejuruteraan atau Orang berdaftar itu.”.

Pindaan peraturan 22C

12. Peraturan 22C Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan memasukkan selepas perkataan “Pendengaran oleh” perkataan “Jawatankuasa Tatatertib atau”;

(b) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Lembaga hendaklah, jika ia berpuas hati bahawa adanya alasan untuk aduan terhadap Jurutera berdaftar atau Amalan Jurutera Perunding” dengan perkataan “Jawatankuasa Tatatertib atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah”;

(ii) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) menyebabkan pertuduhan dikemukakan melalui pos berdaftar kepada Orang berdaftar atau amalan perundingan Kejuruteraan itu di alamatnya yang akhir diketahui; dan

(iii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) meminta Orang berdaftar atau amalan perundingan Kejuruteraan itu untuk menghadiri pendengaran yang akan dipanggil oleh Jawatankuasa Tatatertib atau Lembaga menurut seksyen 15 atau 7 Akta, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan”; dan

(c) dalam subperaturan (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Jurutera berdaftar atau Amalan Jurutera Perunding,” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Orang berdaftar atau amalan perundingan Kejuruteraan,”;

(ii) dengan menggantikan perkataan “oleh Lembaga, Lembaga boleh” dengan perkataan “masing-masing oleh Jawatankuasa Tatatertib atau Lembaga, Jawatankuasa Tatatertib atau Lembaga boleh”; dan

- (iii) dengan menggantikan perkataan “jika Lembaga berpuas hati” dengan perkataan “jika Jawatankuasa Tatatertib atau Lembaga berpuas hati”.

Pindaan tajuk Bahagian IV

13. Tajuk Bahagian IV Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan “PROFESIONAL”.

Penggantian peraturan 23

14. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 23 dengan peraturan yang berikut:

Kelakuan Orang berdaftar. “23. Tiap-tiap Orang berdaftar hendaklah berkelakuan secara terhormat, bertanggungjawab, beretika dan sah di sisi undang-undang.”.

Penggantian peraturan 24

15. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 24 dengan peraturan yang berikut:

Tanggungjawab kepada majikan, pelanggan atau profesion. “24. Seseorang Orang berdaftar hendaklah—

(a) melaksanakan kewajipan profesionalnya dengan kemahiran, ketelitian, ketekunan dan suci hati;

(b) pada setiap masa mengutamakan keselamatan, kesihatan dan kepentingan orang awam; dan

(c) mengambil langkah yang munasabah untuk mengurangkan kesan buruk yang boleh dijangka ke atas alam sekitar perkhidmatan kejuruteraan profesional.”

Penggantian peraturan 25

16. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 25 dengan peraturan yang berikut:

Menjalankan tugas dengan kesetiaan. “25. Seseorang Orang berdaftar hendaklah menunaikan tugas kepada majikan atau pelanggannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan penuh kesetiaan.”

Pindaan peraturan 27

17. Peraturan 27 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) menawarkan apa-apa hadiah atau balasan berharga yang lain, atau membayar komisen atau fi broker untuk mendapatkan pekerjaan profesional;”;

(b) dalam perenggan (d), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “;atau”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

“(e) menawarkan, memberikan, meminta atau menerima, sama ada secara langsung atau tidak langsung, apa-apa sumbangan yang semunasabahnya boleh ditafsirkan sebagai mempunyai kesan niat untuk mempengaruhi pemberian suatu kontrak.”.

Peraturan baru 27A

18. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 27 peraturan yang berikut:

- Pemujukan dan pengiklanan oleh amalan perundingan Kejuruteraan
- “27A. Sesuatu amalan perundingan Kejuruteraan tidak boleh—
- (a) memujuk atau meminta pekerjaan profesional melainkan dibenarkan oleh Lembaga;
 - (b) menawarkan apa-apa hadiah atau balasan berharga yang lain, atau membayar komisen atau fi broker untuk memberikan perkhidmatan kejuruteraan profesional;
 - (c) kecuali yang dibenarkan oleh Lembaga, mengiklankan dengan apa-apa cara atau bentuk apa-apa iklan yang berkaitan dengan profesion kejuruteraan;
 - (d) memberikan perkhidmatan kejuruteraan profesional kepada mana-mana pelanggan, melainkan jika skop perkhidmatan itu dinyatakan dengan jelas dalam suatu perjanjian bertulis antara kedua-dua pihak; atau
 - (e) menawarkan, memberikan, meminta atau menerima, sama ada secara langsung atau tidak langsung, apa-apa sumbangan yang semunasabahnya boleh ditafsirkan sebagai mempunyai kesan niat untuk mempengaruhi pemberian suatu kontrak.”

Pemotongan peraturan 28

19. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 28.

Pindaan peraturan 29

20. Peraturan 29 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Seseorang Jurutera berdaftar dalam suatu Amalan Jurutera Perunding” dengan perkataan “Seseorang Orang berdaftar atau suatu amalan perundingan Kejuruteraan”.

Pindaan peraturan 31

21. Peraturan 31 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan memasukkan selepas perkataan “Jurutera berdaftar” perkataan “atau suatu amalan perundingan Kejuruteraan”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “Jurutera berdaftar” di mana-mana jua perkataan “atau suatu amalan perundingan Kejuruteraan”.

Peraturan baru 34A

22. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 34 peraturan yang berikut:

Modal berbayar dan ekuiti. “34A. (1) Sesuatu pertubuhan perbadanan yang didaftarkan sebagai suatu amalan perundingan Kejuruteraan di bawah seksyen 7A Akta hendaklah mempunyai—

- (a) modal berbayar minimum sebanyak lima puluh ribu ringgit;
- (b) sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus ekuiti saham dipegang oleh Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan; dan
- (c) baki ekuiti saham boleh dipegang oleh—
 - (i) mana-mana orang;

(ii) mana-mana pertubuhan perbadanan; atau

(iii) mana-mana orang dan pertubuhan perbadanan.

(2) Sesuatu pertubuhan perbadanan yang didaftarkan di bawah seksyen 7B Akta hendaklah mempunyai—

(a) modal berbayar minimum sebanyak seratus lima puluh ribu ringgit;

(b) sekurang-kurangnya enam puluh peratus ekuiti saham dipegang oleh Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan dengan gabungan perkhidmatan yang terdiri daripada Arkitek atau Juruukur Bahan Profesional;

(c) minimum sepuluh peratus saham yang hendaklah dipegang oleh Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan; dan

(d) baki ekuiti saham boleh dipegang oleh—

(i) mana-mana orang;

(ii) mana-mana pertubuhan perbadanan; atau

(iii) mana-mana orang dan pertubuhan perbadanan.”.

Peraturan baru 34B

23. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 34A peraturan yang berikut:

Komposisi
Lembaga
Pengarah.

“34B. (1) Sesuatu pertubuhan perbadanan yang didaftarkan sebagai amalan perundingan Kejuruteraan di bawah seksyen 7A Akta hendaklah mempunyai—

- (a) suatu Lembaga Pengarah dengan sekurang-kurangnya dua per tiga daripada anggotanya ialah Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan;
- (b) baki anggota Lembaga Pengarah boleh terdiri daripada mana-mana orang; dan
- (c) salah seorang daripada anggota Lembaga Pengarah hendaklah merupakan orang yang dinamakan di bawah perenggan 7A(3)(iv) Akta.

(2) Sesuatu pertubuhan perbadanan yang didaftarkan di bawah seksyen 7B Akta hendaklah mempunyai—

- (a) suatu Lembaga Pengarah dengan sekurang-kurangnya dua per tiga daripada anggotanya ialah Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan dengan gabungan perkhidmatan yang terdiri daripada Arkitek atau Juruukur Bahan Profesional;
- (b) baki anggota Lembaga Pengarah boleh terdiri daripada mana-mana orang; dan
- (c) salah seorang daripada anggota Lembaga Pengarah hendaklah merupakan orang yang dinamakan di bawah perenggan 7B(2)(d) Akta.”.

Pindaan peraturan 37

24. Peraturan 37 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dalam Jadual I dan disertakan dengan bayaran sebanyak dua ratus ringgit dalam bentuk kiriman wang, draf bank, cek atau apa-apa bentuk lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, yang kena dibayar kepada Lembaga” dengan perkataan “di laman sesawang Lembaga dan disertakan dengan suatu fi untuk Peperiksaan Penilaian Professional sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual III.”.

Bahagian baru VIA

25. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian VI bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VIA PEPERIKSAAN KOMPETENSI PROFESIONAL

Peperiksaan Kompetensi Profesional. 38A. (1) Jurutera Profesional yang berhasrat untuk berdaftar sebagai Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan di bawah seksyen 10D Akta, hendaklah lulus Peperiksaan Kompetensi Profesional.

(2) Tiap-tiap Jurutera Profesional yang berhasrat untuk menduduki Peperiksaan Kompetensi Profesional hendaklah mengemukakan kepada Lembaga borang permohonan sebagaimana yang ditetapkan di laman sesawang Lembaga dan disertakan dengan fi untuk Peperiksaan Kompetensi Profesional sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual III.”.

Pemotongan Jadual I

26. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Jadual I.

Penggantian Jadual II

27. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual II dengan Jadual yang berikut:

"JADUAL II

AKTA PENDAFTARAN JURUTERA 1967

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN JURUTERA 1990
(Peraturan 18, 20, 21, 34 dan 36)FI UNTUK PEMROSESAN, PENDAFTARAN, PEMBAHARUAN
DAN PEMASUKAN SEMULA PENDAFTARAN

	<i>Fi Pemprosesan</i>	<i>Fi Pendaftaran</i>	<i>Fi Pembaharuan</i>	<i>Tarikh Pembaharuan pendaftaran bagi setiap bulan</i>	<i>Fi Pemasukan Semula</i>
Jurutera Siswazah	RM50.00	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan
Teknologis Kejuruteraan	RM50.00	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan
Pemeriksa Tapak	RM50.00	** RM50.00	RM30.00	31 Januari bagi tahun ketiga berikutan tahun pendaftaran tamat tempoh	RM180.00
Jurutera Profesional	RM50.00	** RM300.00	RM200.00 (Umur bawah 60 tahun)	31 Januari bagi tahun berikutan tahun pendaftaran tamat tempoh	RM1,250.00
			RM100.00 (Umur 60 tahun dan ke atas)		RM1,150.00
Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan	RM50.00	** RM200.00	RM400.00	31 Januari bagi tahun berikutan tahun pendaftaran tamat tempoh	RM1,450.00
Pemeriksa Bertauliah	RM50.00	** RM200.00	RM200.00 (Umur bawah 60 tahun)	31 Januari bagi tahun berikutan tahun pendaftaran tamat tempoh	RM1,250.00
			RM100.00 (Umur 60 tahun dan ke atas)		RM1,150.00
Amalan Perundingan Kejuruteraan • Pertubuhan Perbadanan	RM50.00	** RM1000.00	RM1000.00	31 Januari bagi tahun berikutan tahun pendaftaran tamat tempoh	RM6,050.00

	<i>Fi Pemrosesan</i>	<i>Fi Pendaftaran</i>	<i>Fi Pembaharuan</i>	<i>Tarikh Pembaharuan pendaftaran bagi setiap bulan</i>	<i>Fi Pemasukan Semula</i>
• Perkongsian	RM50.00	** RM500.00	RM500.00		RM5,550.00
• Pemilik tunggal	RM50.00	** RM250.00	RM250.00		RM5,300.00

** Fi Pendaftaran Separuh untuk permohonan yang diluluskan antara 1 Julai hingga 31 Disember.”.

Jadual baru III

28. Peraturan-Peraturan ini dipinda dengan memasukkan selepas Jadual II Jadual yang berikut:

“JADUAL III

AKT PENDAFTARAN JURUTERA 1967

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN JURUTERA 1990 (Peraturan 37 dan Peraturan 38A)

FI UNTUK PEPERIKSAAN

	<i>Fi Pemrosesan</i>	<i>Fi Peperiksaan</i>
Peperiksaan Kompetensi Professional	RM100.00	RM1,000.00
Peperiksaan Penilaian Professional	RM100.00	RM500.00

”.

Dibuat 30 Julai 2015
[KKR.PUU.110-1/4/2; PN(PU2)47/XII]

DATUK IR. HJ. ADANAN BIN MOHAMED HUSSAIN
Yang Dipertua
Lembaga Jurutera Malaysia

Diluluskan 30 Julai 2015
[KKR.PUU.110-1/4/2; PN(PU2)47/XII]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Menteri Kerja Raya

REGISTRATION OF ENGINEERS ACT 1967

REGISTRATION OF ENGINEERS (AMENDMENT) REGULATIONS 2015

IN exercise of the powers conferred by section 26 of the Registration of Engineers Act 1967 [*Act 138*], the Board, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Registration of Engineers (Amendment) Regulations 2015**.

(2) These Regulations come into operation on 31 July 2015.

General amendments

2. The Registration of Engineers Regulations 1990 [*P.U. (A) 128/1990*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended—

(a) in the national language text, by substituting for the words “Jurutera berdaftar” wherever appearing, except in regulations 27, 31, 32 and 33, the words “Orang berdaftar”;

(b) in the English language text, by substituting for the words “registered Engineer” and “registered Engineers” wherever appearing, except in regulations 27, 31, 32 and 33, the words “registered Person” and “registered Persons” respectively;

(c) by substituting for the words “Engineering Consultancy Practice” wherever appearing the words “Engineering consultancy practice”; and

(d) by substituting for the words “in Schedule I” wherever appearing the words “on the Board’s website”.

Amendment of regulation 4

3. Regulation 4 of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (1) the following subregulation:

“(1A) Notwithstanding subregulation (1), in any exceptional circumstances, the President may request the Secretary to give not less than three days notice in writing to convene a meeting.”.

Amendment of regulation 8

4. Subregulation 8(1) of the principal Regulations is amended by deleting the words “by resolution” wherever appearing.

Amendment of regulation 9

5. Regulation 9 of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (1) the following subregulation:

“(1A) The appointment of the Secretary of the Board under subregulation (1) may be made for a term of two years and may be renewed.”.

Amendment of regulation 10

6. Regulation 10 of the principal Regulations is amended by substituting for the word “one” the word “five”.

Amendment of regulation 18

7. Regulation 18 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) Every application for registration as a registered Person shall be accompanied with—

(a) processing fee as specified in Schedule II, which is not refundable; and

(b) a registration fee as specified in Schedule II, which shall be refunded to the applicant who is unsuccessful in his application,

and the fees must be in the form of money order, bank draft, cheque or any other form as determined by the Board, made payable to the Board.”;

(b) by deleting subregulation (2); and

(c) by substituting for subregulation (2A) the following subregulations:

“(2A) A Graduate Engineer shall submit an application for registration as a Professional Engineer within one year—

(a) from the date he is informed by the Board that he has passed the Professional Assessment Examination as mentioned in regulation 38; or

(b) from the date he becomes a corporate member of the Institution of Engineers (Malaysia).

(2B) Notwithstanding subregulation (2A), if an application period has lapsed, a Graduate Engineer may, within a reasonable time, apply for an extension of time to submit an application for registration as a Professional Engineer to the Board and the Board may extend the time as it thinks fit.”.

Amendment of regulation 19

8. Regulation 19 of the principal Regulations is amended by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) A registered Person shall be issued with a certificate of registration in any form as may be determined by the Board duly signed by the President and the Registrar and sealed with the common seal of the Board.”.

Amendment of regulation 20

9. Regulation 20 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1)—

(i) by substituting for the words “A registered Engineer, other than a Graduate Engineer,” the words “A registered Person”; and

(ii) in subparagraph(a)(i), by substituting for the words “in Schedule I” the words “on the Board’s website”;

(b) in subregulation (2)—

(i) by substituting for the words “the Board shall issue to the registered Engineer” the words “the Registrar shall issue to the registered Person”; and

(ii) by substituting for the words “in Schedule I” the words “on the Board’s website”; and

(c) by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) The Board may refuse to renew the registration of a registered Person if he has failed to satisfy any conditions as determined by the Board under subparagraph (1)(b).”.

Amendment of regulation 22

10. Regulation 22 of the principal Regulations is amended in subregulation (1) by deleting paragraph (b).

Amendment of regulation 22B

11. Regulation 22B of the principal Regulations is amended by substituting for subregulation (3) the following subregulation:

“(3) The Investigating Committee shall upon completion of its investigation of the complaint, submit to the Board for matters under subsection 7A(5) of the Act, or to the Disciplinary Committee for matters under subsection 15(1) of the Act, for consideration—

- (a) a report of its investigation;
- (b) its recommendations, if any; and
- (c) a draft of the charge containing the facts of the complaint alleged to have been committed by the registered Person or Engineering consultancy practice, if the Investigating Committee is satisfied that there are grounds for the complaint against the registered Person or Engineering consultancy practice.”.

Amendment of regulation 22C

12. Regulation 22C of the principal Regulations is amended—

- (a) in the marginal note, by inserting after the words “Hearing by the” the words “Disciplinary Committee or”;

(b) in subregulation (1)—

(i) by substituting for the words “the Board shall, where it is satisfied that there are grounds for the complaint against the registered Engineer or Engineering Consultancy Practice” the words “the Disciplinary Committee or the Board, as the case may be, shall”;

(ii) by substituting for paragraph (a) the following paragraph:

“(a) cause the charge to be forwarded by registered post to the registered Person or Engineering consultancy practice at his or its last known address;” and

(iii) by substituting for paragraph (b) the following paragraph:

“(b) request the registered Person or the Engineering consultancy practice to attend a hearing to be convened by the Disciplinary Committee or the Board in pursuance of section 15 or 7 of the Act, as the case may be; and”;

(c) in subregulation (2)—

(i) by substituting for the words “registered Engineer or Engineering Consultancy Practice,” wherever appearing the words “registered Person or Engineering consultancy practice,”;

(ii) by substituting for the words “by the Board, the Board may” the words “respectively by the Disciplinary Committee or the Board, the Disciplinary Committee or the Board may”;

(iii) by substituting for the words “if the Board is satisfied” the words “if the Disciplinary Committee or the Board is satisfied”.

Amendment of heading of Part IV

13. The heading of Part IV of the principal Regulations is amended by deleting the word “PROFESSIONAL”.

Substitution of regulation 23

14. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 23 the following regulation:

Conduct of registered Person. “23. Every registered Person shall conduct himself honourably, responsibly, ethically and lawfully.”.

Substitution of regulation 24

15. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 24 the following regulation:

Responsibility to employer, client or profession. “24. A registered Person shall—

(a) discharge his professional duties with due skill, care, diligence and good faith;

(b) at all times hold paramount the safety, health and interest of the public; and

(c) take reasonable steps to reduce foreseeable adverse effects of professional engineering services on the environment.”.

Substitution of regulation 25

16. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 25 the following regulation:

Discharge of duties with fidelity. “25. A registered Person shall discharged his duties to his employer or client, as the case may be, with complete fidelity.”.

Amendment of regulation 27

17. Regulation 27 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for paragraph (b) the following paragraph:

“(b) offer any gift or other valuable consideration, or pay a commission or brokerage fee in order to secure professional employment;”;

(b) in paragraph (d), by substituting for the full stop at the end of the paragraph the words “;or”; and

(c) by inserting after paragraph (d) the following paragraph:

“(e) offer, give, solicit or receive, either directly or indirectly, any contribution which may be reasonably construed as having the effect of intent to influencing the award of a contract.”.

New regulation 27A

18. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 27 the following regulation:

Canvassing and advertising by an Engineering consultancy practice.

“27A. An Engineering consultancy practice shall not—

(a) canvass or solicit to provide professional engineering services except as permitted by the Board;

(b) offer any gift or other valuable consideration, or pay a commission or brokerage fee in order to provide professional engineering services;

- (c)* except as permitted by the Board, advertise in any manner or form any advertisement in connection with the engineering profession;
- (d)* provide professional engineering services to any client, unless the scope of the services are clearly defined in a written agreement between both parties; or
- (e)* offer, give, solicit or receive, either directly or indirectly, any contribution which may be reasonably construed as having the effect of intent to influencing the award of a contract.”.

Deletion of regulation 28

19. The principal Regulations are amended by deleting regulation 28.

Amendment of regulation 29

20. Regulation 29 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “A registered Engineer in an Engineering Consultancy Practice” the words “A registered Person or an Engineering consultancy practice”.

Amendment of regulation 31

21. Regulation 31 of the principal Regulations is amended—

- (a)* in the marginal note, by inserting after the words “registered Engineer” the words “or an Engineering consultancy practice”; and
- (b)* by inserting after the words “registered Engineer” wherever appearing the words “or an Engineering consultancy practice”.

New regulation 34A

22. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 34 the following regulation:

Paid up capital
and equity.

“34A. (1) A body corporate registered as an Engineering consultancy practice under section 7A of the Act shall have—

- (a) a minimum paid up capital of fifty thousand ringgit;
- (b) at least seventy percent of its share equity held by Professional Engineers with Practicing Certificate; and
- (c) the remaining share equity may be held by—
 - (i) any person; or
 - (ii) any body corporate; or
 - (iii) any person and body corporate.

(2) A body corporate registered under section 7B of the Act shall have—

- (a) a minimum paid up capital of one hundred and fifty thousand ringgit;
- (b) at least sixty percent of its share equity held by Professional Engineers with Practicing Certificate with combination of service comprising Architects or Professional Quantity Surveyors;

- (c)* minimum share of ten percent shall be held by the Professional Engineers with Practicing Certificate; and
- (d)* the remaining share equity may be held by—
 - (i)* any person; or
 - (ii)* any body corporate; or
 - (iii)* any person and body corporate.”.

New regulation 34B

23. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 34A the following regulation:

Composition of Board of Directors. “34B. (1) A body corporate registered as an Engineering consultancy practice under section 7A of the Act shall have—

- (a)* a Board of Directors where at least two third of its members are Professional Engineers with Practicing Certificate;
- (b)* the remaining members of the Board of Directors may be any persons; and
- (c)* one of the Board of Director shall be the person named under paragraph 7A(3)(iv) of the Act.

(2) A body corporate registered under section 7B of the Act shall have—

- (a)* a Board of Directors where at least two third of its

members are Professional Engineers with Practicing Certificate with combination of service comprising Architects or Professional Quantity Surveyors;

(b) the remaining members of the Board of Directors may be any persons; and

(c) one of the Board of Director shall be the person named under paragraph 7B(2)(d) of the Act.”.

Amendment of regulation 37

24. Regulation 37 of the principal Regulations is amended by substituting for the words “in Schedule I and accompanied by a fee of two hundred ringgit in the form of money order, bank draft, cheque or any other form as determined by the Board, made payable to the Board” the words “on the Board’s website and accompanied by a fee for the Professional Assessment Examination as specified in Schedule III.”.

New Part VIA

25. The principal Regulations are amended by inserting after Part VI the following Part:

“PART VIA

PROFESSIONAL COMPETENCY EXAMINATION

Professional Competency Examination. 38A. (1) The Professional Engineer who intend to be registered as Professional Engineer with Practicing Certificate under section 10D of the Act, shall pass the Professional Competency Examination.

(2) Every Professional Engineer who intends to sit for the Professional Competency Examination shall submit to the Board the application for as specified on the Board’s website and accompanied with the fee for the Professional Competency Examination as specified in Schedule III.”.

Deletion of Schedule I

26. The principal Regulations are amended by deleting Schedule I.

Substitution of Schedule II

27. The principal Regulations are amended by substituting for Schedule II the following Schedule:

“SCHEDULE II**REGISTRATION OF ENGINEERS ACT 1967****REGISTRATION OF ENGINEERS REGULATIONS 1990**

(Regulations 18, 20, 21, 34 and 36)

FEES FOR PROCESSING, REGISTRATION, RENEWAL AND REINSTATEMENT OF REGISTRATION

	<i>Processing Fee</i>	<i>Registration Fee</i>	<i>Renewal Fee</i>	<i>Date of yearly renewal of registration</i>	<i>Reinstatement Fee</i>
Graduate Engineer	RM50.00	Not applicable	Not applicable	Not applicable	Not applicable
Engineering Technologist	RM50.00	Not applicable	Not applicable	Not applicable	Not applicable
Inspector of Works	RM50.00	** RM50.00	RM30.00	31 January of the third year following the year of expiration of registration	RM180.00
Professional Engineer	RM50.00	** RM300.00	RM200.00 (Age below 60 years)	31 January of the year following the year of expiration of registration	RM1,250.00
			RM 100.00 (Age 60 years and above)		RM1,150.00
Professional Engineer with Practising Certificate	RM50.00	** RM200.00	RM400.00	31 January of the year following the year of expiration of registration	RM1,450.00

	<i>Processing Fee</i>	<i>Registration Fee</i>	<i>Renewal Fee</i>	<i>Date of yearly renewal of registration</i>	<i>Reinstatement Fee</i>
Accredited Checker	RM50.00	** RM 200.00	RM 200.00 (Age below 60 years)	31 January of the year following the year of expiration of registration	RM1,250.00
			RM 100.00 (Age 60 years and above)		RM1,150.00
Engineering Consultancy Practice:	RM50.00	** RM 1000.00	RM1000.00	31 January of the year following the year of expiration of registration	RM6,050.00
• Body Corporate					
• Partnership	RM50.00	** RM500.00	RM500.00		RM5,550.00
• Sole Proprietorship	RM50.00	** RM250.00	RM250.00		RM5,300.00

** Half Registration Fee for applications approved between 1 July till 31 December."

New Schedule III

28. The principal Regulations are amended by inserting after Schedule II the following Schedule:

"SCHEDULE III

REGISTRATION OF ENGINEERS ACT 1967

REGISTRATION OF ENGINEERS REGULATIONS 1990 (Regulation 37 and Regulation 38A)

FEES FOR EXAMINATION

	<i>Processing Fee</i>	<i>Examination Fee</i>
Professional Competency Examination	RM100.00	RM1,000.00
Professional Assessment Examination	RM100.00	RM500.00

"

Made 30 July 2015
[KKR.PUU.110-1/4/2; PN(PU2)47/XII]

DATUK IR. HJ. ADANAN BIN MOHAMED HUSSAIN
President
Board of Engineers Malaysia

Approved 30 July 2015
[KKR.PUU.110-1/4/2; PN(PU2)47/XII]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Minister of Works